



TAFSIRAN MINDA

Hari Kebangsaan: Tanah Melayu Tidak Dijajah

Oleh Wan Ahmad Fauzi Wan Husain
Diterbitkan pada 31 Ogos 2026, 13:00

A⁺ A⁻ A⁰

Untuk mendapatkan maklumat terkini, ikuti kami melalui **Telegram**
DBPMalaysia

Langgan Sekarang

Sejak tahun 1957, sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos sering disalahertikan sebagai tarikh pembebasan Tanah Melayu daripada penjajahan selama 500 tahun, bermula dengan kejatuhan Melaka kepada Portugis pada tahun 1511. Persepsi ini bercanggah dengan rekod rasmi, termasuk dokumen perundangan yang tersimpan di The National Archives Kew. Pada hakikatnya, tarikh 31 Ogos 1957 bukanlah hari pembebasan daripada penjajah, tetapi hari pembentukan sebuah Persekutuan yang merdeka daripada campur tangan British dalam pentadbiran awam dan pertahanan luar.

Dokumen penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menunjukkan bahawa kedaulatan Raja-raja Melayu tidak pernah terhapus. Laporan Jawatankuasa Kerja Perlembagaan 1946 dan 1947 menegaskan bahawa Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan atas **kuasa kedaulatan bersama** Raja-raja Melayu bagi Negeri Melayu dan Mahkota British bagi Negeri Selat Pulau Pinang dan Melaka. Jika Tanah Melayu benar-benar tanah jajahan, konsep “kuasa kedaulatan bersama” tidak mungkin wujud ketika penubuhan Persekutuan pada 1948.

Pembatalan Malayan Union: Bukti Kedaulatan Tidak Pernah Hilang

Tanah Melayu berjaya mengekalkan kedaulatannya, sekali gus tidak dijajah kerana Gagasan Malayan Union ditentang secara besar-besaran oleh orang Melayu apabila British cuba menghakis kedaulatan Raja-raja Melayu dengan menubuhkan pemerintahan berbentuk kesatuan Malayan Union. Protes turut dikemukakan oleh Raja-raja Melayu kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan bagi Koloni di London setelah Perjanjian Harold MacMichael ditandatangani pada tahun 1945.

Malayan Union akhirnya dibatalkan pada 1 Februari 1948 apabila Raja-raja Melayu menandatangani Perjanjian Negeri masing-masing pada 21 Januari

1948. Perjanjian Negeri Sembilan ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Besar bersama Undang Yang Empat dan Tunku Besar Tampin.

Perjanjian Negeri 1948 merakamkan bahawa kedaulatan Raja-raja Melayu kekal sebagaimana pada **1 Disember 1941**, iaitu sebelum pendudukan Jepun. Tarikh ini dikatakan kritikal kerana menolak dakwaan bahawa kedaulatan negeri telah terlucut akibat kedatangan British atau Jepun.

IKLAN

Triti dan Sistem Penasihatian Bukan Penyerahan Kedaulatan

Dakwaan bahawa Raja Melayu menyerahkan kerajaan kepada British melalui triti seawal Perjanjian Pangkor 1874 merupakan tuduhan yang serius. Dalam adat Melayu, penyerahan kerajaan kepada kuasa asing akan menyebabkan raja perlu diturunkan daripada takhta baginda. Namun begitu, sebaliknya rakyat terus mempertahankan Raja-raja Melayu disebabkan baginda hanya menerima **sistem penasihatian** British dalam urusan pentadbiran awam.

Sistem Residen British ialah sistem nasihat. Kuasa kedaulatan tetap berada di tangan raja, dan keputusan dibuat melalui Majlis Negeri. British tidak pernah memerintah secara langsung ke atas sembilan Negeri Melayu. Perbezaan antara “penasihatian” dan “penjajahan” adalah asas kepada kedudukan perlembagaan negeri-negeri tersebut.

Dalam proses pembentukan Persekutuan Tanah Melayu, tidak wujud perkara yang disebut sebagai “kontrak sosial”. Kuasa kedaulatan kekal pada Raja-raja Melayu, dan baginda diwakili oleh para pembesar untuk berunding dengan British, dengan turut dibantu oleh pemimpin UMNO yang juga pembesar negeri. Atas perkenan Raja-raja Melayu, pentadbiran Persekutuan dibentuk berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, dan kepimpinan kerajaan dilantik dalam kalangan wakil rakyat melalui proses pilihan raya pada tahun 1955.

IKLAN

Undang-undang yang diluluskan Parlimen Britain dan Majlis Negeri Tanah Melayu memuktubkan tujuan menubuhkan sebuah Persekutuan baharu yang bebas dan merdeka dalam negara Komanwel. Dalam perisytiharan 31 Ogos 1957, yang disebut ialah pembentukan Persekutuan, bukannya pembebasan daripada penjajahan.

Tafsiran “Kemerdekaan” Menurut Dokumen Rasmi British dan Tanah Melayu

Memorandum Kerajaan British 1956 dan Memorandum Peguam Negara Persekutuan Tanah Melayu bertarikh 7 Mei 1956 menjelaskan maksud “kemerdekaan”. Petikan penting dalam Memorandum Peguam Negara Persekutuan Tanah Melayu ialah:

“3.”Kemerdekaan” setakat yang berkenaan dengan Negeri Melayu terdiri daripada penamatan hak Kebawah Duli Ratu untuk mengawal pertahanan dan hal ehwal luar serta campur tangan dalam pentadbiran dalam negeri. Hak ini diwujudkan berdasarkan triti terdahulu dan kini wujud semata-mata berdasarkan Perjanjian Persekutuan dan Perjanjian Negeri. Hak yang diberikan melalui kontrak ini perlu ditamatkan, dan satu-satunya cara yang sah dari segi undang-undang untuk berbuat demikian ialah dengan menamatkannya dengan cara yang sama hal tersebut diwujudkan, iaitu melalui perjanjian antara Kebawah Duli Ratu dengan Raja-raja.”

Peguam Negara memperincikan terma substantif triti seperti yang berikut:

1. **Kebawah Duli Ratu melepaskan hak mengawal hal ehwal luar.**
2. **Kedua-dua pihak bersetuju hidup dalam persahabatan dan keamanan berkekalan.**
3. **Kebawah Duli Ratu melepaskan hak mengawal pertahanan luar; Raja-raja melepaskan kewajipan perlindungan, diganti dengan Perjanjian Pertahanan.**
4. **Negeri-negeri Selat menjadi sebahagian daripada negara baharu yang ditadbir menurut Perlembagaan yang diterima oleh Raja-raja dan Yang di-Pertuan Agong.**

Oleh hal yang demikian, maka jelaslah bahawa “kemerdekaan” bermaksud penamatan hak campur tangan British, bukan pembebasan tanah jajahan. Hari Kebangsaan (Merdeka) ialah hari pembentukan bangsa Melayu dalam bentuk Persekutuan yang bebas daripada campur tangan British. Bangsa Melayu merangkumi orang Melayu dan bukan Melayu yang diterima sebagai warganegara Persekutuan, iaitu menandakan Hari Kebangsaan Melayu yang menyatukan semua warganegara tanpa mengira kaum dan agama.

Kedudukan Negeri Melayu yang tidak dijajah mempengaruhi tafsiran Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Negeri. Prinsip kedaulatan dalam Perkara 181 perlu dirujuk kepada kedaulatan Raja-raja Melayu pada 1 Disember 1941. Laporan Jawatankuasa Kerja Perlembagaan 1946 menegaskan bahawa kedaulatan raja hendaklah kekal menurut adat Melayu, yang meletakkan Islam sebagai prinsip utama.

Hari Kebangsaan wajar dihayati sebagai peringatan terhadap kebijaksanaan Raja-raja Melayu dan rakyat dalam usaha mempertahankan kedaulatan, serta kejayaan menubuhkan sebuah Persekutuan yang merdeka, berdaulat dan menjadi rumah bersama bagi semua warganegara. Negeri Melayu tidak dijajah kerana kemerdekaan kita merupakan lambang sebuah bangsa yang berdaulat.

***Datuk Profesor Madya Dr.Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Pengasas
Jurisprudens Watan & Fiqh al-Watan ISTAC-Universiti Islam Antarabangsa
Malaysia/ Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.***